SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2021 Pengajian Perniagaan Semester 1 Terengganu (946/1)

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

STPM 2021

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SEMESTER 1

PENGAJIAN PERNIAGAAN

946/1

Nama :.....

Kelas :.....

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

Bahagian A
[*50 markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Berdasarkan Rajah 1 di bawah, terangkan perbezaan antara dua entiti tersebut. [6]

Kelab Belia Kampung Sri Pantai	Syarikat Perabot Berkat Maju Sendirian Berhad

Rajah 1: Entiti Perniagaan

2 Jelaskan **dua** faktor pengeluaran dalam industri makanan ringan. [6]

3 Jelaskan **dua** aktiviti perniagaan berasaskan pengeluaran. [6]

4 Nyatakan **empat** cabaran yang dihadapi oleh pengurus pengeluaran. [4]

5 *Konflik dalam perniagaan boleh berlaku di antara pemborong dengan peruncit.* [4]

Huraikan **dua** konflik tingkah laku yang berlaku dalam saluran agihan produk.

6 *Saluran agihan selektif merupakan salah satu kaedah pengagihan produk yang diamalkan dalam reka bentuk saluran agihan mendatar.* [6]

Jelaskan **dua** jenis lagi saluran agihan yang terdapat dalam reka bentuk saluran agihan mendatar itu.

7 Terangkan **dua** kegunaan penyata kewangan kepada pihak yang berkepentingan berikut: [6]
(a) Pemilik atau pemegang saham
(b) Agensi kerajaan
(c) Pengurusan syarikat.

8 Senaraikan **empat** pihak yang berkepentingan terhadap penyata kewangan . [4]

9 Nyatakan **empat** cabaran dalam pengurusan sumber manusia. [4]

10 Huraikan **dua** kaedah menentukan keperluan sumber manusia. [4]

STPM 2021

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SEMESTER 1

SKEMA

PENGAJIAN PERNIAGAAN

946/1

Bahagian A
[*50 markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1		Berdasarkan Rajah 1 di bawah, terangkan perbezaan antara dua entiti tersebut. Kelab Belia Kampung Sri Pantai — Syarikat Perabot Berkat Maju Sendirian Berhad Rajah 1: Entiti Perniagaan	[6]
		Perbezaan antara Kelab Belia Kampung Sri Pantai dengan Syarikat Perabot Berkat Maju Sendirian Berhad. **Dimensi** / **Kelab Belia Kampung Sri Pantai** / **Syarikat Perabot Berkat Maju Sendirian Berhad** Jenis/ Bentuk: Organisasi bukan perniagaan / Organisasi perniagaan Motif: Memaksimumkan kebajikan ahli / Memaksumumkan keuntungan sebagai pulangan kepada pemilik perniagaan. Aktiviti: Menganjurkan aktiviti berbentuk kemasyarakatan. / Menjalankan proses penghasilan barang serta menjual barangan perabot. Sumber kewangan: Yuran daripada ahli, tajaan dan derma daripada masyarakat. / Jualan saham kepada orang persendirian atau sumber pembiayaan seperti pinjaman bank. Pengurusan: Diuruskan oleh satu pasukan yang dipilih melalui faktor demokrasi. / Diuruskan oleh ahli lembaga pengarah dan pihak eksekutif yang dibayar gaji. Cukai: Tidak dikenakan cukai / Cukai syarikat Mana-mana **tiga dimensi.** 3D x 2H = 6 **Jumlah = 6m**	
2		Jelaskan **dua** faktor pengeluaran dalam industri makanan ringan.	[6]
		Dua faktor pengeluaran dalam industri makanan ringan ialah: **Modal insan [1]** - Individu yang menyumbangkan tenaga mental dan fizikal dalam aktiviti pengeluaran. - Terdapat pekerja mahir dan separuh mahir. - **Contohnya** pekerja yang berkemahiran mengendalikan mesin memotong ubi untuk dibuat kerepek ubi. **Modal [1]** - Pelaburan yang membawa pulangan kepada operasi prniagaan. - Berbentuk wang tunai atau alatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. - **Contohnya**, wang tunai, jentera dan mesin.	

		Teknologi [1] - Merujuk kepada kaedah yang digunakan dalam aktivit pengeluaran. - Penggunaan teknologi dapat meningkatkan produktiviti. - **Contohnya,** penggunaan mesin dalam pengeluaran keropok dapat mengeluarkan keropok dengan lebih cepat dan meningkatkan kualiti. **Bahan mentah [1]** - Merujuk sumber semula jadi yang digunakan dalam proses pengeluaran. - Bahan mentah yang mencukupi dan berkualiti memastikan aktiviti pengeluaran berjalan lancar. - **Contohnya** bahan mentah seperti ubi kayu, keledek dalam pengeluaran kerepek / ikan dan sagu dalam pengeluaran keropok. **Keusahawanan [1]** - Individu yang menggabungkan / mengeembleng faktor-faktor pengeluaran iaitu modal, modal insan, bahan mentah dan teknologi dalam aktiviti pengeluaran. - Usahawan perlu mempunyai sifat kreatif, inovatif, berani menanggung risiko serta mempunyai **idea baharu.** - **Contohnya** usahawan kerepek mengeluarkan pelbagai jenis kerepek dengan harga yang berdaya saing. Mana-mana 2 fakta yang pertama 1 fakta x 2= 2m 2 huraian x 2= 2m (wajib) 2 contoh x 2 = 2m **Jumlah: 6m**	
3		Jelaskan **dua** aktiviti perniagaan berasaskan pengeluaran.	[6]
		Dua aktiviti berasaskan pengeluaran i. **Ekstraktif [1]** - Merupakan aktiviti pengeluaran bahan mentah daripada perut bumi sama ada di daratan atau di lautan tanpa mengubah bentuk asalnya. - **Contohnya**, pembalakan, perladangan, penternakan, carigali minyak dan sebagainya. ii. **Barangan pengguna [1]** - Merupakan proses pengeluaran barang siap untuk kegunaan pengguna akhir. - **Contohnya**, tepung, garam, gula dan sebagainya. iii. **Barangan industri [1]** - Merupakan barangan keperluan industri dalam bentuk barangan separuh siap atau barangan siap yang dibeli untuk tujuan **dijual semula** atau diproses untuk menghasilkan barangan yang baharu. - **Contohnya**, tepung yang dibeli untuk menghasilkan roti. iv. **Pembuatan [1]** - Merupakan aktiviti memproses bahan mentah untuk menghasilkan barangan siap atau separuh siap. - **Contohnya**, getah diproses untuk dijadikan tayar.	

		v. **Pemasangan [1]** - Merupakan aktiviti memasang komponen pada sesuatu barang untuk menghasilkan barang siap. - **Contohnya**, pemasangan komponen elektrik untuk menghasilkan komputer. Mana-mana 2 fakta yang pertama 1 fakta x 2= 2m 2 huraian x 2= 2m (wajib) 2 contoh x 2 = 2m **Jumlah: 6m**	
4		Nyatakan **empat** cabaran yang dihadapi oleh pengurus pengeluaran.	[4]
		Empat cabaran yang dihadapi oleh pengurus pengeluaran. i. Peningkatan teknologi ii. Kekurangan sumber iii. Penekanan pada kualiti iv. Kepelbagaian cita rasa pengguna v. Isu penjagaan alam sekitar vi. Persaingan Mana-mana 4 fakta yang pertama 1 fakta x 4= 4m **Jumlah: 4m**	
5		*Konflik dalam perniagaan boleh berlaku di antara pemborong dengan peruncit.* Huraikan **dua** konflik tingkah laku yang berlaku dalam saluran agihan produk.	[4]
		Dua konflik tingkah laku yang berlaku dalam saluran agihan produk ialah: i) Konflik mendatar [1] - Berlaku antara pengedar pada peringkat yang sama dalam saluran agihan produk - Contoh ialah konflik yang berlaku antara ejen BSN Kuala Terengganu dengan ejen BSN Kuala Nerus ii) Konflik menegak [1] - Berlaku antara pengedar pada peringkat yang berbeza dalam saluran agihan produk - Contoh ialah konflik yang berlaku di antara pemborong Din Collection dengan peruncit Kiosk Kosmetik Ani di Giant. 1 fakta x 2 = 2m 1 huraian / contoh x 2 = 2m **Jumlah 4 m**	
6		*Saluran agihan selektif merupakan salah satu kaedah pengagihan produk yang diamalkan dalam reka bentuk saluran agihan mendatar.*	[6]

		ii. sebagai asas perbandingan dalam sistem kawalan syariakt dan membuat perancangan pengagihan sumber. iii. membuat perbandingan keuntungan antara tahun semasa dengan tahun ssebelumnya. iv. panduan untuk membuat perancangan jangka panjang atau perancangan jangka pendek. Mana-mana 2 kegunaan dari setiap soalan 2 kegunaan x 3= 6m **Jumlah: 6m**	
8		Senaraikan **empat** pihak yang berkepentingan terhadap penyata kewangan .	[4]
		Empat pihak yang berkepentingan terhadap penyata kewangan ialah 1. Pengurus syarikat 2. Para pelabur @ bakal pelabur 3. Pemilik @ pemegang saham 4. Pemiutang 5. Agensi kerajaan. 6. Para pekerja atau kesatuan sekerja 7. Pesaing Mana-mana 4 fakta yang pertama 1 fakta x 4= 4m **Jumlah = 4m**	
9		Nyatakan **empat** cabaran dalam pengurusan sumber manusia	[4]
		Empat cabaran dalam pengurusan sumber manusia ialah: • Teknologi [1] • Perubahan ekonomi [1] • Globalisasi [1] • Peningkatan bilangan pekerja wanita dalam sektor pekerjaan [1] • Sistem perundangan (Undang-undang dan peraturan) [1] • Kemasukan buruh asing [1] • Kepelbagaian tenaga kerja [1] • Penstrukturan semula organisasi [1] • Keperluan pekerjaan [1] • Faktor politik [1] Mana-mana **empat** fakta yang pertama 1f x 4 = 4m	
10		Huraikan **dua** kaedah menentukan keperluan sumber manusia.	[4]
		Dua kaedah menentukan keperluan sumber manusia ialah: 1. Meramal sumber dalaman [1] • Merupakan suatu anggaran bilangan dan jenis pekerja yang diperlukan oleh organisasi pada masa depan [1]/ • Sumber dalaman merujuk kepada pekerja yang sedang berkhidmat dalam organisasi [1]. Pengambilan pekerja dari sumber dalaman dijalankan untuk	

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar